

Mitraland lancar kediaman Ashino di Gravit8

[FOTO SAIRIEN NAFIS / BH]

Kumpulan Mitraland melancarkan menara kediaman keempat dan terakhir di Gravit8 iaitu Ashino, nama yang diilhamkan sempena Tasik Ashinoko yang terkenal di Jepun.

Selain itu, konsep dan reka bentuk kediaman Ashino juga mengikut kesukaan masyarakat Jepun yang terdapat unsur minimalis serta zen.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Mitraland, Chuan Theong Yee, berkata kediaman Ashino mencerminkan aspek terbaik reka bentuk rumah Jepun dengan menawarkan rumah mewah dan tempat tinggal yang damai serta moden kepada pembeli.

“Menara kediaman Ashino membabitkan 280 unit kediaman dilengkapi enam binaan berbeza.

“Unit kediaman ini boleh didapati dengan keluasan 817 hingga 1,237 kaki persegi dengan pilihan bilik tidur 2+1 atau 3+1 untuk memenuhi keperluan keluarga,” katanya pada majlis pelancaran Menara Kediaman Ashino di Galeri Jualan Gravit8, di Klang, baru-baru ini.

Hadir sama ialah Pengurus

Besar Kumpulan, Tan Chee Hoaw dan Pengarah Pemasaran, Felix Ng Tiam Chai.

Theong Yee berkata, Ashino dijual pada harga bermula RM429,000 dan sehingga kini 30 peratus daripada 280 unit yang ditawarkan sudah dibeli.

Sasaran jualan

Beliau berkata, pihaknya menyasarkan jualan unit sehingga 50 peratus selepas satu atau dua bulan dilancarkan dan 70 peratus selepas enam bulan.

“Mereka yang tinggal di Ashino juga boleh menikmati 1.2 hektar dek kemudahan dilengkapi bilik gim, kolam renang, dek yoga, ruang mesra kanak-kanak dan banyak lagi.

“Bagi aspek keselamatan pula, Ashino menggunakan sistem keselamatan tiga tingkat dengan sistem kamera litar tertutup (CCTV) dan rondaan daripada pengawal keselamatan,” katanya.

Theong Yee berkata, lokasi Ashino di pusat pembangunan Gravit8 menjadikannya kediaman selesa untuk interaksi sosial kepada masyarakat setempat dan di



sekitar Klang.

“Sebelum ini tiga menara kediaman pertama mendapat sambutan baik. Justeru, pihak kami berharap dengan harga berpatutan dan kemudahan yang komprehensif, Ashino akan menarik lebih ramai pembeli,” katanya.

Gravit8 adalah pembangunan

bersepadu dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.3 bilion membabitkan pangaspuri servis, kedai runcit khusus, pusat beli-belah, pejabat korporat, pejabat kecil atau pejabat versatil (SoVos) serta sebuah hotel butik mempunyai 150 hingga 200 bilik.

Gravit8 turut dilengkapi tasik

Teong Yee (tengah), Chee Hoaw (kanan) dan Tiam Chai ketika lawatan ke bilik pameran kediaman Ashino selepas pelancarannya di Gravit8, Klang, baru-baru ini.

buatan yang menakjubkan dikenali sebagai Taman Tasik Rekreasi@ Gravit8 seluas tiga hektar.

Taman tasik itu mendapat sentuhan Walrus Design, sebuah arkitek landskap yang memenangi pelbagai anugerah dengan menggabungkan unsur estetika dan urbanisasi generasi muda.